

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) adakah Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan bencana negara akan diteliti dan dikaji semula untuk memudahkan persiapan menghadapi bencana yang lebih efektif serta mempunyai sistem ramalan cuaca yang lebih efisien pada masa hadapan; dan
- (b) apakah kaedah pemantauan agihan bantuan banjir agar benar-benar sampai kepada mangsa-mangsa banjir.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir sebagai panduan pelaksanaan tugas secara lebih khusus. Susulan arahan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang dipengerusikan YAB Timbalan Perdana Menteri pada 3 Januari 2014, PTO yang diterbitkan pada tahun 2001 itu telah disemak serta ditambah baik dengan mengambil kira pengendalian banjir dalam situasi ekstrem.

PTO tersebut dibentangkan kepada semua agensi di mana peranan dan tindak balas pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana telah diperincikan. Kandungan PTO berkenaan telah dimaklumkan kepada semua agensi berkaitan melalui jentera Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah yang dipengerusikan oleh Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Daerah. Selain daripada memperincikan peranan agensi pada fasa tindak balas, PTO tersebut juga turut telah mengambil kira pengurusan perkara yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi dan jawatankuasa berkaitan pada setiap fasa pengurusan bencana secara holistik yang meliputi fasa sebelum (Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana), fasa semasa (Tindak Balas Bencana) dan fasa selepas (Pemulihan Pasca Bencana).

PTO yang telah disemak semula ini turut menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan pada setiap peringkat, antaranya adalah penyediaan Pelan Tindak Balas Bencana Tempatan di peringkat Negeri dan Daerah. Pegawai Daerah dan Setiausaha Kerajaan Negeri selaku

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana perlu menyediakan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas yang bersesuaian dalam pengurusan bencana. Persediaan menghadapi bencana hendaklah diperinci dan didokumenkan di dalam satu pelan tindakan supaya setiap petugas mengetahui dan boleh merancang dengan lebih berkesan tindakan-tindakan yang perlu diambil pada peringkat sebelum dan semasa bencana berlaku.

Pengurusan bencana di daerah adalah peringkat paling penting memandangkan segala tindakan pelaksanaan pengurusan bencana akan dilaksanakan di peringkat ini. Manakala pengurusan di peringkat negeri dan pusat memberi fokus kepada koordinasi pelan tindakan operasional yang harus dilaksanakan di peringkat daerah selain memberi bantuan keperluan aset dan personel.

PTO ini merupakan *living document* dan proses penambahbaikan pengurusan bencana yang berterusan akan dilaksanakan dengan mengambil kira pengajaran dan cabaran sesuatu bencana. Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) dengan rangkaian kerjasama strategik dan perkongsian aset antara agensi serta penglibatan pihak swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu menyediakan keperluan logistik dan sumber manusia perlu digembeling secara berterusan.

Selain itu juga, sistem amaran awal bencana juga akan terus ditambah baik selari dengan teknologi yang terkini yang setanding dengan pusat ramalan cuaca peringkat serantau dan antarabangsa. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah bekerjasama dengan agensi-agensi peringkat antarabangsa melalui platform organisasi meteorologi serantau dan antarabangsa seperti *ASEAN Specialized Meteorological*

*Centre (ASMC)* dan *World Meteorological Organization (WMO)*. Rangkaian kerjasama ini adalah antara pengiktirafan terhadap keupayaan dan kepakaran Malaysia dalam bidang meteorologi dan klimatologi.

Bagi aspek penyampaian bantuan kepada mangsa, Jawatankuasa Pengurusan Bencana di Daerah dan Negeri turut berperanan sebagai penyelarass kepada penyampaian dan agihan bantuan kepada mangsa-mangsa yang memerlukan. Bantuan yang disampaikan ini tidak terhad dalam bentuk barangan sahaja. Bantuan dalam bentuk kewangan serta khidmat sosial turut disampaikan kepada keluarga dan individu yang memerlukan.

Pada pengendalian bencana banjir kali ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Audit Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti Pengurusan Dana dan Tabung Banjir bagi memastikan pengurusan dana dan tabung banjir kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dikendalikan dengan telus dan bebas daripada penyelewengan.

Jawatankuasa ini akan membantu memastikan pengurusan tabung dan dana yang telus, teratur serta semua bantuan sampai kepada mangsa banjir. Bilik Gerakan juga telah dibuka yang berperanan sebagai pasukan khas untuk menyiasat semua aduan mengenai penyelewengan. Jawatankuasa itu juga akan mengkaji dan mencadangkan penambahbaikan integriti sistem penyampaian dan pengurusan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih.